

07/09/2001

Suara sumbang Lee buat pakej perjanjian jadi hambar

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

"APA sebenarnya di sebalik persetujuan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew dalam menyelesaikan pakej perjanjian antara negara ini dengan republik berkenaan yang sudah lama berlarutan? Ini mesti ada udang di sebalik batu!"

Bisikan sinis itu dilemparkan kepada seorang bekas menteri Kabinet pada satu majlis makan tengah hari antara Lee dengan sekumpulan bekas menteri di hotel penginapan Lee di sini ketika lawatan empat harinya ke Malaysia.

Sambil tersenyum lebar, bekas menteri Kabinet itu berkata: "Jangan terlalu mempunyai persepsi negatif sedemikian... kerana hakikat bahawa persetujuan kepada isu tertangguh itu sudah pun dicapai, adalah sesuatu yang agak melegakan."

Memang benar, ia melegakan banyak pihak dari negara ini, terutama kenaikan 15 kali ganda harga penjualan air kepada republik itu (iaitu daripada 3 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah kepada 45 sen) dan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) dalam tempoh masa dua tahun oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia yang berhenti kerja.

(Persetujuan turut merangkumi pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen KTM Tanjung Pagar, Singapura dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.)

Namun, kenyataan Lee sendiri pada sidang akhbar di akhir lawatannya seolah-olah membayangkan Singapura tidak yakin kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN) sekarang boleh bertahan lama, sehingga boleh menjejaskan perjanjian yang amat diperlukan republik itu, terutama dalam aspek bekalan air.

Lee dipetik sebagai berkata: "Adalah lebih baik isu tertangguh sekarang diselesaikan pada masa ini kerana perubahan kepada kerajaan di negara ini akan menyukarkan rundingan pada masa depan. Kami tidak mengalah dengan mudah, tetapi kami memutuskan untuk mencapai persetujuan walaupun ia bukan sesuatu yang boleh saya katakan sebagai seimbang.

"Seandainya kita tidak capai persetujuan dan berlaku perubahan yang tidak disangka di Malaysia umpamanya... semoga ia tidak berlaku pada 2004... anda tidak ada lagi kerajaan yang diterajui Umno, maka kami perlu berunding dengan rakan baru. Ia tentu memberi masalah."

Lee ketika ditanya apakah Singapura bimbang Malaysia akan menyekat bekalan air, berkata: "Saya tidak fikir Kerajaan Malaysia akan berbuat demikian, tetapi saya tidak pasti apa kerajaan yang tidak waras akan buat. Tiada kerajaan yang rasional akan mengambil langkah yang akan menjurus kepada campur tangan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan tindakan kami untuk mempertahankan kepentingan kami."

Kenyataan Lee itu juga menggambarkan bahawa Singapura tidak ikhlas dalam menyelesaikan pakej perjanjian itu kerana Lee sanggup mengeluarkan 'ugutan' bagi kemungkinan tindakan Malaysia untuk menyekat bekalan air ke republik itu.

Ketelusan Lee mungkin sudah boleh dijangka kerana itulah sikap pemimpin yang mencecah usia 88 tahun itu. Walaupun menerima hakikat kepentingan hubungan dua hala antara Singapura dengan Malaysia, beliau dengan angkuh akan terus menyuarakan pandangan yang boleh mencetuskan kemarahan pihak Malaysia.

Pengerusi Biro Hal Ehwat Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, berkata Singapura memang sanggup melakukan apa saja untuk

menjaga kepentingan diri, termasuk mengisytiharkan perang kepada mana-mana negara yang memberi ancaman kepadanya.

Beliau berkata, Lee sering bersikap paranoid dan berasa tercabar dengan apa juga yang dimiliki negara jiran, terutama Malaysia dan kerana itulah, kelantangannya mengkritik Malaysia tidak pernah berhenti.

Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan Lee sebagai seseorang yang memandang rendah terhadap kemampuan bangsa Melayu dan sering berasa tercabar dengan kejayaan yang dicapai Malaysia, terutama di bawah pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tidak hairanlah jika beliau dengan selamba turut memperkecilkan kerajaan yang diterajui Umno, dua hari selepas persetujuan kepada perjanjian itu dicapai dengan Dr Mahathir.

"Jika benar Lee mengadakan lawatan keduanya dalam masa setahun ini, bagi meningkatkan hubungan dua hala kedua-dua negara, mengapa perlu dia menyatakan sesuatu yang menyakitkan hati rakyat negara ini?

"Mengapa dia mendakwa pihaknya banyak bertolak ansur (dalam perjanjian itu) sedangkan semua isu yang ditimbulkan adalah isu tertangguh lama dan memang menjadi hak kita.

"Apakah ini, sekali lagi satu propaganda yang dimainkan pihak yang berasa dirinya sebagai watch dog kepada Amerika Syarikat?," kata seorang penganalisis hubungan antarabangsa.

Alasan Lee itu sebenarnya turut dikesali parti pembangkang yang berasa kecil hati dengan hakikat bahawa Singapura berasa sukar untuk berurusan dengan mereka, sekiranya pakatan pembangkang berjaya menggantikan kerajaan yang ada sekarang pada pilihan raya umum 2004 kelak.

Ketua Pembangkang yang juga Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata persepsi Lee bahawa kerajaan lain, selain Umno tidak boleh memerintah dan akan mewujudkan masalah dalam hubungan Singapura, adalah sesuatu yang tidak matang dan tidak wajar.

Jika diteliti, kebimbangan Lee bukan saja tertumpu kepada parti pembangkang yang cuba mengambil alih Kerajaan Malaysia sekarang, tetapi juga kepada mana-mana ancaman yang boleh menjejaskan kepentingan negaranya.

Kerana itulah, beliau begitu risau dengan pergerakan kumpulan pelampau agama yang bergerak secara militan, termasuk Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang sedang berusaha untuk menggulingkan kerajaan negara ini.

Dalam pertemuannya dengan beberapa menteri Kabinet, termasuk Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, Lee sentiasa ingin mendapat maklumat terperinci mengenai cara Malaysia menangani ancaman baru itu.

Dari satu persepsi, mungkin ia memberi kebaikan kepada hubungan dua hala Malaysia dengan Singapura sekiranya kerajaan republik itu menyokong Malaysia dalam usaha menangani masalah politik itu, tetapi adakah sokongan itu akan berubah sekiranya ancaman sedemikian tidak lagi menjejaskan kepentingan Singapura?

Inilah hubungan `unik' yang dimiliki kedua-dua negara sejak bertahun-tahun lamanya. Biar pun terpaksa berhadapan pelbagai kontroversi dan perselisihan faham, kedua-dua negara (baik kerajaan atau rakyat), perlu sentiasa berlandaskan hakikat bahawa Malaysia dan Singapura saling memerlukan antara satu sama lain.

Apatah lagi sebagai anggota lama kepada Asean, kedua-duanya perlu saling bersikap ikhlas kerana kekuatan hubungan dua hala Malaysia dan Singapura, akan menyumbang kepada kekuatan semua 10 anggota pertubuhan serantau itu.

(END)